

Kerajaan akan kaji penyatuan syarikat bas di ibu negara

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Kerajaan bersetuju menjalankan kajian lengkap mengenai penyatuan syarikat-syarikat bas di ibu negara termasuk memperkenalkan sistem laluan baru yang lebih menyeluruh kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan melantik sebuah syarikat perunding bagi menjalankan kajian tersebut yang dijangka memakan masa selama tiga bulan.

"Selepas itu barulah rundingan akan dijalankan bagi menentukan pelaksanaannya," kata beliau kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pembangunan Lembah Klang di sini petang ini.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya perkembangan terbaru cadangannya Januari lalu supaya semua syarikat bas di Kuala Lumpur digabungkan menjadi sebuah syarikat besar bagi mengendalikan pengangkutan awam di ibu negara

dengan cara yang lebih berkesan, di samping mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, menerusi kajian itu, syarikat-syarikat bas di ibu negara akan disatukan bagi memastikan perkhidmatan bas berjalan lebih lancar dan menyeluruh.

Menurut beliau, dengan adanya gabungan syarikat-syarikat bas, laluan bas mengikut sistem baru juga dapat disediakan bagi mengelakkan kesesakan.

"Sebagai contoh, tidak boleh ada satu pusat bas sahaja seperti Hentian Puduraya," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, sistem laluan itu boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pusingan perkhidmatan bas di dalam pusat bandar raya dan di pinggir bandar raya.

Menerusi sistem tersebut, katanya, perkhidmatan bas dari luar bandar raya tidak akan terus memasuki Kuala Lumpur sebaliknya berhenti

setakat sempadan ibu negara.

Beliau menambah, para penumpang kemudian akan menukar bas yang menjalankan perkhidmatan dalam bandar raya.

Menurut Dr. Mahathir, sistem seumpama itu bukan sahaja akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu negara bahkan akan memberikan perkhidmatan yang lebih selesa dan teratur kepada orang ramai.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak berpuas hati terhadap sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur sekarang.

Mengenai keperluan sistem pengangkutan moden seperti monorel dan Transit Laju Ringan (LRT) di ibu negara, Dr. Mahathir menegaskan, para penduduk ibu negara mestilah 'sanggup membayar' jika ingin menikmati kemudahan seumpama itu.

"Tidak mungkin kita akan dapat sistem perkhidmatan yang efisien kalau kita tidak mahu bayar lebih. Kenalah

sanggup bayar lebih.

"Kalau hendak ada LRT misalnya, kena bayar tambang lebih," katanya.

Beliau menambah, kerajaan memang biasanya membiayai sebahagian kos pengangkutan awam di Kuala Lumpur tetapi tidak boleh membiayai penuh kerana kerajaan juga memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk pembangunan luar bandar.

Mengenai projek LRT dan monorel, Perdana Menteri berkata, persiapan awal mengenai pembinaan sistem tersebut telahpun dibuat.

Katanya, pembinaan sistem tersebut dijangka dimulakan pada penghujung tahun ini dan fasa pertama dijangka siap pada tahun 1994.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Sri Samy Vellu, Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Yusof Noor, Menteri Kerja Raya, Dato' Leo Moggie, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib dan Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar.

Sementara itu, Elyas ketika ditemui oleh para pemberita berkata, kandungan karbon monoksida di udara sekarang ini ialah 6.4 ppm (kadar per seribu) dan dijangka melewati tahap bahaya 9 ppm menjelang 1998.